



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	19/6/2011

# Surat Najib untuk PBB

## PM minta laluan selamat misi Malaysia ke Gaza

Oieh Mohd Azis Ngah  
brninggu@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak akan mengutus surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon meminta badan induk itu campur tangan memastikan misi kemanusiaan ke Gaza tidak diganggu rejim Israel.

Perdana Menteri menegaskan, misi pasukan Lifeline4Gaza Malaysia adalah suara masyarakat dunia yang menyokong misi pembebasan antarabangsa Flotilla II ke Gaza.

Beliau berkata, permohonan pasukan Lifeline4Gaza Malaysia supaya PBB menguatkuasakan undang-undang antarabangsa adalah wajar untuk memastikan tidak berlaku sebarang jenayah yang mengancam misi pasukan sukarelawan dunia.

"Kalau tidak ada suara lain (dunia lain) yang berani untuk memperjuangkan isu penduduk Palestin, Malaysia akan bersuara untuk membuktikan masih wujud rakyat berjiwa besar yang menentang kekerasan dan kezaliman ke atas penduduk Palestin," katanya ketika melancarkan pasukan Lifeline4Gaza Malaysia bagi menyertai pem-

bebasan antarabangsa Flotilla II ke Gaza di Stadium Badminton Cheras di sini, malam tadi.

Seramai 10 wakil Malaysia akan menyertai misi itu bersama wakil badan bukan kerajaan (NGO) seluruh negara yang akan berangkat minggu depan melalui jalan laut dan darat.

Pasukan Malaysia diketuai Pengerusi LifeLine4Gaza Malaysia, Dr Noorazman Mohd Samsuddin. Turut serta Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Khairy Jamaluddin dan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid

Samad dari PAS.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri secara berseloroh berkata, semua anggota mesti pergi dan pulang dengan selamat supaya tidak perlu diadakan pilihan raya kecil selepas ini.

Bagaimanapun, beliau cukup yakin pasukan Lifeline4Gaza Malaysia akan berjaya menunaikan matlamat mereka walaupun berdepan ancaman tentera rejim Israel.

"Kita tidak boleh menggunakan kekerasan untuk menangani isu ini, tetapi kita ada cara lain untuk menunjukkan rasa simpati ke atas penderitaan Palestin. Kita tidak tahu bila isu ini akan selesai tetapi lambat-laun misi seperti ini akan memberi kesan kepada masyarakat dunia," katanya.

Najib turut menyokong cadangan Dr Noorazman yang meminta PBB melantik wakil mereka untuk memeriksa kapal yang membawa bantuan kemanusiaan bagi mengelak sebarang prasangka buruk serta bukti mereka tidak membawa senjata.

Selain itu, Perdana Menteri juga bersetuju sekiranya Malaysia menubuhkan pusat trauma di Gaza yang dinamakan Pusat Trauma Malaysia bagi membantu anak yatim yang kehilangan ibu bapa dan mengalami tekanan hidup.

